

# Kempen gagal jika beg plastik dijual: Fomca

**KUALA LUMPUR** - Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) menggesa kerajaan Selangor mengkaji semula caj pembayaran beg plastik sebanyak 20 sen sempena kempen pengurangan penggunaan beg plastik kerana ia ternyata hanya menguntungkan peniaga.

Penasihat Fomca, Profesor Datuk Mohd Hamdan Adnan berkata, sekiranya Kerajaan Negeri mahu menjayakan pro-

gram tersebut, mereka harus mencari kaedah lebih sesuai.

"Kami sokong kempen pengurangan menggunakan plastik pada setiap hari Sabtu, tetapi apabila ada peniaga mengambil kesempatan menjual beg plastik dan mendapat keuntungan, kami rasa ia akan mencemarkan hasrat kempen itu sendiri.

"Bayangkan kalau satu beg plastik berharga 20 sen, kalau 5,000 orang yang

membeli sehari, seolah-olah kempen ini memberi keuntungan kepada peniaga pada setiap Sabtu," katanya di sini, semalam.

Pelaksanaan 'hari tanpa beg plastik' pada setiap Sabtu di Selangor bermula 9 Januari lalu dan bertujuan meningkatkan kesedaran orang awam tentang kesan negatif penggunaan beg plastik terhadap alam sekitar.

"Kami mencadangkan penggunaan beg daripada

da bahan 'biogradable' seperti yang diperbuat daripada kayu dan rotan bagi menjayakan kempen ini.

"Pengguna pula seharusnya mengamalkan tabiat membawa beg sendiri dari rumah semasa pergi membeli barangan," katanya.

Hamdan mencadangkan agar semua kerajaan negeri turut membuat program seperti dianjurkan Kerajaan Selangor yang telah pun disertai Pulau Pinang. - Bernama